

# Tunas Cipta

Sastera Generasi Baharu

# Cipta

Bil. 03/2021



Perjalanan  
dalam  
Perjuangan  
Sastera



Seikhlas  
Qasih,  
Seharum  
Dahlia

Nasser Mikraj  
Mencipta Magis  
dalam Karya

Semenanjung/Malaysia: RM5.00 • Sabah/Sarawak: RM5.50 • Brunei Darussalam: B\$5.00 • Singapura: \$5.00

tunasciptaDBP  
magalahc03  
#MalaysiaMembaca

KK 600-911821-0321  
ISSN 1511-9998



9 771511 999060



# Tunas Cipta

Sastera Generasi Baharu

JILID 21 | BIL. 03/2021/1442H  
KK 800-91821-0321 | ISSN 1511-9998

KETUA PENGARAH  
DATUK ABANG SALLEHUDIN ABG. SHOKERAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)  
DATO' HAJAH PADILAH HAJI ALI

TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)  
HABIB HALIM HAJI HARUN

PENGARAH PENERBITAN  
HABIB RAZALI CHE MAT

KETUA EDITOR  
DR. ROSMANI OMAR  
(ros\_omar@dbp.gov.my)


TIMBALAN KETUA EDITOR  
NAIMAH YUSOF  
(naimah@dbp.gov.my)

EDITOR  
STI NOORISA ABDUL KHALIL  
(stinoorisa@dbp.gov.my)

PENOLONG EDITOR  
SYAFIQAH ABDUL KHALID  
(syafiqahkhaldid@dbp.gov.my)

PENTADBIRAN  
FAUZIAH YUSOF, ZAIDI MOHD. SALIEH,  
WAN MOHD SAFAU WAN AHMAD/WAN HASSAN  
NOR FAZLIATUL AKMAR CHE RANI, MOHAMED RADZUAN MOHAMED NOOR

URUSAN LANGGANAN  
Bahagian Pemasaran dan Pengedaran, Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka, Lot 1037, Jalan AU3/1,  
54200 Ampang/Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon: 03-4101 0033 Faks: 03-4101 2019  
E-mel: pp@dbp.gov.my  
<http://www.facebook.com/DBPNiaga> | <http://niaga.dbp.my>



REKA BENTUK KULIT DAN  
REKA LETAK HALAMAN  
Mohd Hasrul Nizam Sabani

DICETAK OLEH  
Mihas Grafik Sdn. Bhd. No. 9 Jalan SR 4/19, Taman Serdang Raya,  
43300 Seri Kembangan Selangor D.E. Tel: 03-8942 9053 / 03-8942 9052  
Fax: 03-8942 9054  
E-mel: mihasgrafik@yahoo.com

Halaman Editor

## Mencambahkan Kreativiti dan Potensi Diri Ibarat Keluar dari Pintu Ajaib

Selepas berjaya keluar dari kepompongnya, sang rama-rama cuba mengembangkan sayapnya dan terbang untuk menguji kekuatan diri dan sayapnya, sama ada boleh terbang jauh atau hanya mampu mengembangkan sayapnya yang cantik tetapi gagal menyangkan sayapnya yang cantik kepada semua makhluk alam. Begitulah perumpamaan bagi manusia yang cuba mencungkil keluar apa-apa bakat dan potensi yang ada dalam diri mereka. Sebagai ciptaan Allah SWT yang sempurna, setiap individu pasti dikurniakan bakat atau potensi untuk menyerlahkan diri dan nama dalam apa-apa juga bidang yang diceburinya. Sebaliknya, kelebihan memiliki lebih daripada satu bakat pula dianggap sebagai bonus, atau dengan kata lain, "nilai tambah" sebagai pemangkin untuk menyerlahkan bakat dan potensi sedia ada.

# Ayahku EPICUREANIS Hibrid



Telefon bimbitku berdingin dan tertera nama ayah di situ. Aku berasa kehairanan kerana kebiasaannya, mak yang selalu menelefonku. 'Kenapa bukan mak yang telefon ni,' bisikku dalam hati.



"Sufi, boleh balik cepat? Beberapa hari ni, ayah sakit perut sebab tak boleh membuat air." Ayah mengadu kepadaaku sebaik-baik sahaja aku memberikan salam.

"Baik ayah, petang ni Sufi balik," jawabku kepada ayah.

"Nanti, tolong belikan ayah sebotol Habbatus Sauda? Nanti ayah bayar balik pesan ayah lagi sebelum memutuskan talian telefon."

Sebagai anak yang menghormati orang tuanya, aku segera membalas, "baik ayah."

Setelah petang menjelma, aku menuju ke kedai jamu. Menggunakan duit pinjaman pelajaran, aku membelikan sebotol pil Habbatus Sauda untuk ayah. Sesampai sahaja di rumah, aku bergegas masuk ke dalam bilik ayah. Suasana di dalam bilik itu terasa hangat kerana bahang daripada zink yang sudah lebih 20 tahun berfungsi sebagai atap di rumah ini. Aku melihat ayah sedang berbaring sambil memegang perutnya. Ayah merintih kerana kesakitan. Perut ayah berasa senak kerana mengembung. "Oh, Sufi dah balik? Ubat ayah sahaja," soalnya kepadaaku.

"Ada. Ayah nak makan sekaran?" tanyaku dengan lembut.

"Ya, bagi air sekali."

Selang setengah jam selepas ayah memakan ubat itu, ayah meluru ke bilik air rumah kami yang hamir roboh itu. "Beberapa hari ini, ayah tak boleh membuat air. Tapi sekarang, alhamdulillah. Ayah berasa lega. Terima kasih Sufi. Berapa harga Habbatus Sauda tu?" tanya ayah kepadaaku.

Sekali lagi aku membala, "tak payah bayar ayah, Sufi belikan untuk ayah."

Sebenarnya, ayah tak ada duit. Sebab tu, ayah terpaksa minta bantuan daripada Sufi."

\*\*\*

Lebih kurang enam tahun yang lalu, aku menemani ayah pergi ke kumpulan wang simpanan hari tua. Aku melihat dengan mataku sendiri bahawa ayah mengeluarkan duit berjumlah ratusan ribu

ringgit, iaitu keseluruhan jumlah wang simpanan tersebut. Semasa aku berusia tiga tahun, ayah sudah berhenti kerja daripada sebuah syarikat ternama di negara ini kerana faktor kesihatan. Oleh sebab ayah berjawatan tinggi, maka jumlah simpanannya banyak.

Namun selepas ayah menganggur, kami sekeluarga hidup dengan hasil usaha mak. Mak memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dengan menjual pisang goreng. Bukan itu sahaja kerja yang mak usahakan, malah banyak lagi. Antaranya, mak terlibat dengan jualan langsung dan mengambil upah mengajar anak jiran membaca dan menulis. Ayah pula hanya bertindak sebagai penasihat kepada mak dalam urusan yang melibatkan perniagaan.

Aku masih ingat kata-kata ayah tentang bagaimana seronoknya apabila beroleh keuntungan yang banyak daripada hasil perlaburan. Hal ini sekali-sekali melintas dalam fikiranku. Ketika aku berada di universiti, iaitu tahun pertama mengikuti kursus ijazah pertama, mak mengambil keputusan untuk berhenti daripada bermula. Pada masa itu, mak berusa sudah tidak larat melayan kerohanian pelanggan. Tambahan pula, ayah tidak mahu memberikan kerjasama dengan mak. Oleh sebab itu, keadaan ekonomi kami menjadi semakin buruk kerana ayah merongrong baki keuntungan daripada perniagaan mak sehingga habis, tiada bersimpan.

Pada suatu hari, kami mendapat tahu bahawa duit simpanan wang pekerja ayah hilang dalam sekelip mata. Ayah bukan tahu judi, dan dia juga bukan seorang yang mudah-mudah untuk ditipu oleh sesiapa pun. "Demi Allah SWT, duit dah tiada dalam simpanan bank!" jelas ayah.

Perhatikan pilihan kata-katanya, "tiada dalam simpanan bank." Kami melenggong kehairanan.

Kereta tak ditukar, bumbung pun tak berganti, tahu-tahu lesap begitu saja." Kami anak beranak berfikir hal yang sama. Masing-masing memerah otak membincangkan duit ayah yang lesap sekelip mata.

Selama ini, kami hidup berbebas daripada hasil jualan mak. Tetapi macam mana duit ayah boleh habis kerana kami tidak pernah sesekali menyentuh duitnya itu. Jika ada yang terusik, mungkin sangat sedikit kerana semuanya bergantung di atas pundak mak sejak ayah berhenti kerja.

Selang beberapa minggu, aku digegarkan lagi dengan panggilan daripada ayah. Kali ini, ayah meminta aku berjumpa dengan dia dan mak di sebuah pasar raya yang berdekatan dengan universiti aku. Modus operandinya sama. Ayah tiada duit dan aku sebagai anak tunggal yang taat menghormati orang tua perlu menemani mereka membeli barang dapur untuk bekalan sebulan. Sambil menolak troli, aku melihat satu per satu barang dimasukkan oleh ayah sehingga penuh perut troli dengan barang keperluan dasar dan bukan keperluan. Seperti biasa, Mak bermuka cuka sepanjang membeli barang itu.

Aku mengangkat semua barang yang telah dibeli ke dalam kereta ayah yang secocom kancil itu. Sebelum berpisah, ayah sentiasa mengungkapkan hal yang sama, "maaf ya, Sufi! Menyusahkan kamu saja. Bila ada duit, ayah akan bayar."

Sekali lagi aku membala, "tak apa, ayah."

Sekilas pandang, ya, aku seperti anak yang baik dan sentiasa berbuat baik kepada orang tua. Memang sepatutnya begitulah ajaran agama dan adat yang telah ditanam dalam diri setiap anak yang masih memiliki orang tua.

Dalam hal ini, sebenarnya aku telah lama dilatih oleh mak supaya mencaknakan pemikiranku dengan strategi Epicurianis ayah. Semuanya memang masuk akal apabila aku mengenang kembali peristiwa yang berlaku sepanjang aku membesar bersama-sama ayah.

وَالْمُؤْمِنُونَ الْمُؤْمِنَاتُ لَا يَرْأُونَهُنَّ مُنْذَهَاتٍ مِّنَ الْمُحَمَّدِ  
لَا يَرْأُونَهُنَّ مُنْذَهَاتٍ مِّنَ الْمُحَمَّدِ لَا يَرْأُونَهُنَّ مُنْذَهَاتٍ مِّنَ الْمُحَمَّدِ

Banyak naratologi ayah yang berjaya dinyahkod oleh mak. Usah dilihat seperti berduit. Nanti akan dikikis sedikit demi sedikit oleh isteri dan anak. Mak pula biarlah ditanggung oleh anak lelaki yang seorang utama, bukankah tertulis di *Luh Mahfuz* bahawa tanggungjawab itu tersangkak di bahu dia? Duit simpanan pelaburan jika perlu barulah dirongrong sekulat demi sekulat. Sambil itu, cuba menjadi seperti orang pesan hantar melalui perniagaan dalam talian tanpa ada produk di tangan. Bukanakah kerja atas tanah lebih mudah?

Apabila tibanya malam Syawal pertama pada setiap tahun, kita mengitir semula sajahan makanan yang disedekahkan oleh jiran berburpa puasat sebagai hidangan bagi Jemahah yang hadir bertakbir di rumah. "Jimat!" sindir Pak Usop ketika dijemput makan kerana dia cukup mengenali hidangan mi goreng yang dimasak olehnya sendiri pada petang hari.

Jangan menukar kereta yang sekecil kancil itu. Nanti jika ada motokar baharu atau besar, nanti akan disuruh ke mana-mana atau menjadi tumpangan saudara mara untuk pergi kenduri atau diajak cuti-cutip Malaysia.

Ayah seorang yang sangat pandai. Selain penguasaan bahasa Melayu bagus, ayah juga lancar dalam berbahasa Inggeris. Ayah dibabtikan seperti kamus bergerak. Selain itu, ayah juga pandai menulis, melukis potret dan berkemahiran dalam pertukangan kayu. Ayah juga terlibat serba sedikit tentang perubatan moden, selain berbakat membalki barang elektrik dan mengusai ilmu perkomputeran. Laman sesawang dan teknologi terkini semuanya ayah tahu. Mengapa perlu betul-betul bekerja atau bekerjaya? Namun, ayah tidak mahu menunjuk-nunjuk kepadanya, kebolehan dan kekuatannya kerana takut ada yang meminta perlontongan daripadanya. Nanti sakit urat belikat. Yang penting, ayah dapat berbincang dengan menonton filem atau drama yang ayah muat turun dalam media maya.

Usah ditunjuk kuat kudrat, nanti akan diarah angkat itu dan ini. Aku sendiri terkejut apabila pernah curi-curi memerhati kudrat ayah menggeraji kayu dengan begitu kemas apabila bertukar sendirian. Pernah jiran di hadapan rumah kematian anak. Tiba-tiba, ayah pula sempat bersungguh-sungguh untuk menuntut ilmu. Dapat tahu sebahagian dia terpaksa dipapah oleh bapa si mati untuk pulang ke rumah. Biar dirongrong kesihatan, kudrat dan duit orang lain. Penat mak menanam, membaja, menyirup tanaman dan apabila tumbuh hasilnya dipetik dan diungis oleh ahbab.

Paling penting, jangan sesekali pecah rahsia. Biar pecah di perut jangan pecah di mulut. Teruskan bermain dengan wasangsa agar kami sentiasa berbalam dan bergulat untuk mencikau realiti. Wasa kamui menunggu, tetapi si tupai tidak pernah terjatuh dari lompatannya.

**S**edekah kehadapan, mak mengulang cerita yang sama. Ayah tetapi tidak mengaku, di manakah duitnya yang banyak itu? Ayah masih mengatakan, "duitnya dah ada. Tiada dalam simpanan bank" kata-kata ayah dahulu masih teringat-ingat dalam benakku. Tetapi, bagaimana pula dalam e-dompet atau skim pelaburan seperti yang

"Kalau kuda itu dicucuk hidung, diheret ke air belum tentu dia mahu minum!" Itulah tamsilan yang kerap diratib ayah di telinga kami. Kata-kata itu menjadi slogan yang sangat tepat jika ingin menyimpulkan langgam dan falsafah hidup ayah.

diratibnya di telingaku ketika aku masih berada bersekolah lagi.

Tidak mungkin, duit sebanyak itu lesap begitu sahaja. Ayah tetap menjadi orang tengah untuk perniagaan dalam talian dan berhibur dengan segala apa-apa yang ada dalam alam maya. Makan dan minum mak masih dicatut kerana dikatakan untung hanyalah sekepuh dua yang dapat dikumpul melalui "kerjanya" itu. "Realitinya dalam alam maya," kataku kepada mak.

Kasihankanan nubari mak, aku sendiri yang sudah beranak dua menadah jua telinga sebagai tempat mak memuntahkan walang. Sesekali mak menonton ceramah agama, dia berasa bersalah dek takutkan dosa mengumpat. "Nanti sembahyang mak tak diterima," gusar mak.

Semakin hari, aku berasa takut dan terkilan jika tidak dapat membantu mak. Mana tahu, esok atau lusa mak pengi dahulu dan meninggal kan kami. "Islam tak ejar kita membodohkan sahaja diri apabila ditindas mak," ujarku. Aku setuju dengan cadangan mak untuk membawa hal ini ke muka pengadilan.

Kemuncaknya, mak mengheret ayah ke mahkamah. Tangi Berberaian jatuh talak satu. Tidak sampai sebulan sireh kecut pulang kembali ke gagang. Aku yang sakit belikat menyangkak aneka barang-barang antiknya keluar masuk. Mak kembali mengulang naratif yang sama.

Sememangnya aku faham Epicurianisme yang dianut ayah. Tetapi, aku sendiri tidak pasti versi yang mana satu. Mungkin hibrid. 10 tahun belakangan ini, ayah sudah tidak tinggal solat dan turut menunaikan solat Jumaat walaupun masih tidak pernah mengimamkan mak di rumah. Usah dikira aku yang sejak kecil tidak pernah berimamkan ayah. "Hanya Allah SWT yang mengadili," tegas ayah. Maknanya, ayah bukanlah Epicureanis sejahtera yang bersifat ateis atau tidak percayakan adanya hari kebangkitan.

Tetapi Epicurus, filsuf hedonis Greek kuno sememangnya menekankan bahawa keselarasan dan kegembiraan sahaja yang penting dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Apa-apa sahaja yang menyenangkan itu bagus, manakala apa-apa sahaja yang membekabkan merupakan petaka. Hidup "sederhana" sebegini adalah kebahagian sejahtera atau dalam paradigma Epicurianisme yang membawa arti kejayaan untuk mengecap Anaraksia.

"Keenakan merupakan permulaan dan pengakhiran kepada kehidupan yang bahagia," didik Epicurus kepada anak muridnya. Hingga hari ini, banyak sahaja pengikut fahaman Epicurianisme di Barat. Tetapi di Timur dan dunia Melayu khususnya, mungkin ayahku merupakan seorang daripada mereka, tetapi dalam bentuk revisionis.

Dalam tempoh itu, ada juga dalam kalangan saudara aku datang menemui ayah dan menasihatiinya setelah mendengar aduan daripada kami. Namun, banyak juga yang akhirnya tanpa disedari dengan sendirinya menjadi mangsa manipulasi ayah. Baik daripada yang mengaku boleh menghalau jin dan syaitan sehingga pakar motivasi yang tidak bertauliah, semuanya berjaya dirongrong ayah, baik duit atau semangat mereka untuk berdakwah.

Hujah ayah hanya satu. Anaknya yang tunggal ini berjaya melanjutkan pengajian pada peringkat doktor falsafah. Anak kalian ada yang berjaya pada peringkat itu? Ini semua hasil disiplin yang diajar oleh ayah. Ayah tidak pernah mendedahkan aku dengan "kemewahan". Tetapi tidak ditekankan bahawa semua itu adalah bantuan biasiswa kerajaan dan usaha mak dan aku menebalkan muka memanjat pejabat di menara gading demi mencakau bantuan tersebut. Semua kerana aku dan mak tahu bahawa dengan pendidikan, kami akan berjaya mengatas masalah ini dan hujah kami mahu didengari orang kerana kami tidak ada harha yang dapat menarik telinga dan minda mereka untuk mempercayai ceritera kami.

"Kalau kuda itu dicucuk hidung, diheret ke air belum tentu dia mahu minum!" Itulah tamsilan yang kerap diratib ayah di telinga kami. Kata-kata itu menjadi slogan yang sangat tepat jika ingin menyimpulkan langgam dan falsafah hidup ayah. **tr**